



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BAHASA ANTARA DALAM PERBUALAN PENUTUR BUKAN MELAYU

FATIN RABIHA ABDUL KADIR

FBMK 2017 40



BAHASA ANTARA DALAM PERBUALAN PENUTUR BUKAN MELAYU

Oleh

FATIN RABIHA BINTI ABDUL KADIR

**Tesis ini dikemukakan kepada sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Ogos 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

BAHASA ANTARA DALAM PERBUALAN PENUTUR BUKAN MELAYU

Oleh

FATIN RABIHA BINTI ABDUL KADIR

Ogos 2017

Pengerusi: Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Penutur bahasa pertama yang masih belum menguasai bahasa kedua akan menghadapi pelbagai masalah berkomunikasi dengan lancar dan kadang kala berlaku pelbagai salah faham dalam menyampaikan makna sebenar. Bahasa yang terjadi sepanjang peralihan daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua ini disebut Bahasa Antara. Kehadiran Bahasa Antara sebagai indikator bahasa penutur menunjukkan kepincangan dan tahap yang lemah dalam kalangan penutur bukan Melayu memberi ruang kepada pengkaji untuk mengkaji fenomena Bahasa Antara dalam aspek perbualan. Kajian ini menyenaraikan tiga objektif, iaitu mengenal pasti Bahasa Antara yang terdapat dalam perbualan penutur bukan Melayu, menganalisis makna Bahasa Antara dalam perbualan penutur bukan Melayu menggunakan pendekatan Pragmatik dan merumuskan kategori Bahasa Antara dalam perbualan penutur bukan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan seramai sembilan orang penutur bukan Melayu dijadikan sampel kajian. Lokasi kajian adalah di Universiti Putra Malaysia. Seterusnya, data perbualan yang dirakam menggunakan alat perakam suara ditranskripsikan dan dianalisis secara kualitatif berdasarkan pemerhatian terhadap proses pembentukan Bahasa Antara yang dinyatakan oleh Selinker. Selanjutnya, perbualan tersebut diinterpretasi berdasarkan teori Relevans. Dapatan analisis mendapati kelima-lima proses pembentukan Bahasa Antara yang dikemukakan oleh Selinker berlaku dalam perbualan dengan menunjukkan kehadiran Strategi Komunikasi, Strategi Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan, Strategi Pembelajaran dan Generalisasi Terlampau. Di samping itu, melalui teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986; 1995), dapatan menunjukkan perbualan yang mengandungi Bahasa Antara mengaplikasikan peranan konsep konteks, kesan konteks dan usaha memproses bagi menginterpretasikan makna yang tidak jelas.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of requirement for the degree of Master of Arts

INTERLANGUAGE IN COMMUNICATION OF NON-MALAY SPEAKERS

By

FATIN RABIHA BINTI ABDUL KADIR

August 2017

Chairman: Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty: Modern Language and Communication

First language speakers that have yet to master their second language will face numerous problems to communicate efficiently and sometimes face misunderstandings in conveying their true meaning. The language that occurred during the transition from first language to second language is called Interlanguage. Interlanguage presence as an indicator for Interlanguage showed the lameness and the poor level among non-Malay speakers gave room for the current researcher to examine the interlanguage phenomenon in the conversational aspect. There are three objectives listed for this study; to identify the interlanguage found in the conversation of non-Malay speakers, to analyze the meaning of interlanguage in the conversation of non-Malay speakers by applying the Pragmatic approach and to formulate the interlanguage category in the non-Malay speakers conversation. This study employed the observation method and nine non-Malay speakers were chosen as samples. This study was carried out at the University Putra Malaysia. Next, the conversation data that was recorded using a voice recorder is transcribed and analyzed qualitatively based on the observation of the process involved in the formation of interlanguage mentioned by Selinker (1972). Furthermore, that conversation was interpreted based on the Relevans theory (Sperber & Wilson, 1986; 1995). The findings indicated all five formation processes of interlanguage proposed by Selinker occurred in the conversation with the presence of strategies of communication, native language transfer, transfer of training, strategies of leaning and over-generalization. In addition, with the Relevans theory, findings showed the conversation that contained interlanguage applied the role of context concepts, context effects and the effort to process in interpreting unclear meaning.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah

Lagi Maha Penyayang

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabat baginda. Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh Ijazah Master Sastera (Bahasa Melayu).

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah selaku penyelia tesis saya yang sentiasa memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Bimbingan dan ilmu yang diberikan oleh beliau merupakan antara kunci utama bagi saya dalam memastikan tesis ini dapat selesai dan berjaya disempurnakan. Seterusnya, buat mak dan keluarga yang tidak pernah lelah memberi sokongan berterusan kepada saya. Semoga Allah S.W.T sentiasa merahmati dan membalas jasa baik mereka. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang sentiasa memberi sokongan dari segi idea dan semangat untuk saya dalam melunaskan amanah ini antaranya ialah Prof. Madya Dr. Samsina Abdul Rahman (telah bersara) dan Prof Madya Dr Raja Masittah Raja Ariffin. Di samping itu, penghargaan buat rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi badai perjuangan ini.

Akhir sekali, saya berdoa dan berharap agar kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu yang bermanfaat dan membantu pengkaji lain agar dapat meneruskan sumbangan ilmu kepada masyarakat.

Terima Kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norizan binti Che Su, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Fatin Rabiha binti Abdul Kadir (GS42888)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Zaitul Azma

Zainon Hamzah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Norizan binti Che Su

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.2.1 Penguasaan bahasa	1
1.2.2 Bahasa Antara	3
1.2.3 Konsep pragmatik	5
1.2.4 Hubungan pragmatik dalam perbualan	6
1.2.5 Hubungan pragmatik dalam kajian BA	8
1.3 Penyataan masalah	10
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Persoalan kajian	11
1.6 Kepentingan kajian	11
1.7 Batasan kajian	15
1.8 Definisi operasional	15
1.8.1 Bahasa Antara	15
1.8.2 Perbualan lisan	15
1.8.3 Penutur Melayu dan bukan Melayu	15
1.9 Kesimpulan	16
2	
SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Kajian tentang Bahasa Antara	17
2.3 Kajian tentang Perbualan antara Penutur Bahasa yang Berbeza	25
2.4 Kesimpulan	29
3	
METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka Bentuk Kajian	30
3.3 Kerangka Teori	30
3.3.1 Proses Pembentukan BA	31
3.3.2 Teori Relevans	35
3.4 Kerangka Konseptual	37
3.5 Kaedah Kajian	38

3.6	Tempat Kajian	39
3.7	Populasi dan Pensampelan kajian	39
3.8	Alat Kajian	40
3.9	Tatacara kajian	41
	3.9.1 Kajian rintis	41
	3.9.2 Kajian sebenar	43
3.10	Pengumpulan Data Kajian	44
3.11	Prosedur kajian	44
3.12	Penganalisan Kajian	45
	3.12.1 Analisis kualitatif	45
	3.12.2 Transkripsi Data	46
3.12	Pertimbangan Etika	47
3.13	Kesimpulan	48
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis Proses Pembentukan Bahasa Antara	49
4.3	Analisis Perbualan Bahasa Antara Berdasarkan Teori Relevan (Sperber & Wilson, 1986; 1995)	73
4.4	Merumuskan kategori BA yang terdapat dalam perbualan penutur bukan Melayu	90
4.5	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	92
4.6	Implikasi Dapatan Kajian	94
4.7	Kesimpulan	95
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	96
5.2	Rumusan	96
5.3	Cadangan Kajian Selanjutnya	99
5.4	Penutup	101
	BIBLIOGRAFI	102
	LAMPIRAN	111
	BIODATA PELAJAR	149
	SENARAI PENERBITAN	150

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
3.1	Peralihan Kod Dalam Perbualan	42
3.2	Simbol Transkripsi Atkinson & Heritage (1984)	46
4.1	Peralihan Kod bahasa Melayu kepada Bahasa Arab	53
4.2	Peralihan kod Bahasa Inggeris dalam kata	54
4.3	Peralihan Kod dalam Bentuk Hybrid	55
4.4	Pengurangan Mesej	55
4.5	Rayuan Kerjasama secara langsung	57
4.6	Rayuan Kerjasama Tidak Langsung	59
4.7	Aproksimasi (Fonem)	61
4.8	Aproksimasi (kata)	62
4.9	Sirkumlokasi	63
4.10	Pemindahan bahasa (Hukum D-M)	65
4.11	Pemindahan Bahasa (Kata Tanya)	66
4.12	Strategi Pembelajaran (Pemudahan)	67
4.13	Pemindahan Latihan (Kata Sendi Nama)	69
4.14	Pemindahan Latihan (Kata Ganti Nama Tunjuk)	70
4.15	Generalisasi Terlampau	72
4.16	Interpretasi Perbualan (Strategi Komunikasi Bukan Verbal)	75
4.17	Interpretasi Perbualan (Strategi Pembelajaran)	76
4.18	Pengayaan Bentuk Bukan Verbal	77
4.19	Interpretasi Perbualan (SK dalam rayuan kerjasama)	78
4.20	Interpretasi Perbualan (Pemindahan Bahasa)	80
4.21	Kegagalan pragmatik (Strategi Komunikasi)	81

4.22	Kegagalan Pragmatik (Rayuan Kerjasama Langsung)	82
4.23	Interpretasi Perbualan (Rayuan Kerjasama Langsung)	83
4.24	Interpretasi Perbualan (Generalisasi Terlampau)	84
4.25	Intepretasi Perbualan (Strategi Komunikasi)	85
4.26	Interpretasi Perbualan (Ketaksaan Makna Tempat)	86
4.27	Interpretasi Perbualan (Strategi Pembelajaran)	87
4.28	Interpretasi Perbualan (PB, Hukum D-M)	89



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Model Dialek Idiosinkratik (1971)	3
1.2 Kepelbagaian Bahasa Antara oleh Ellis (1985)	9
3.1 Kerangka Teori	31
3.2 Kerangka Konseptual	37
4.1 Taksonomi Strategi Komunikasi oleh Tarone (1976)	50
4.2 Pembahagian Strategi Rayuan Kerjasama	57
4.3 Kategori Parafrasa Tarone (1976)	60

SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Antara
IL	<i>Interlanguage</i>
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
PM	Penutur Melayu
PBM	Penutur Bukan Melayu
SK	Strategi Komunikasi
PB	Pemindahan Bahasa
PL	Pemindahan Latihan
GT	Generalisasi Terlampau
SP	Strategi Pembelajaran

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahagian ini merupakan bab yang memberikan tumpuan terhadap isu utama dalam kajian ini iaitu mengenai latar belakang penguasaan bahasa, Bahasa Antara dan beberapa konsep yang berkaitan perbualan lisan dan bidang Pragmatik. Selain itu, pengkaji turut menjelaskan tujuan utama kajian dan gambaran secara khusus mengenai keseluruhan idea atau permasalahan kajian yang menjadi asas kepada penyelidikan ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Penguasaan Bahasa

Penguasaan ialah perihai menguasai atau menguasai. Dalam aspek penguasaan bahasa, bahasa dikuasai kerana bahasa memberikan makna dan kemudahan untuk berinteraksi antara satu sama lain (Mahzan, 2008). Secara umumnya, kemampuan untuk menguasai sesuatu bahasa bermula atau melalui fasa-fasa tertentu terlebih dahulu iaitu sama ada melalui medium pemerolehan atau pembelajaran. Pemerolehan bahasa manusia berlaku sejak manusia bayi lagi dan merupakan gambaran penerimaan dan penguasaan bahasa seseorang sejak kecil yang diterima secara berperingkat serta mempunyai ciri kesinambungan. Hal ini turut dinyatakan oleh Zamri Mahamod (2007) yang menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa bermula sejak bayi dilahirkan dan mempelajari bahasa melalui konteks sosial sebelum mula betutur.

Dalam situasi ini, kanak-kanak tersebut dikatakan memperoleh bahasa mereka yang pertama atau dikenali sebagai pemerolehan bahasa pertama atau ibunda. Bahasa pertama bermaksud bahasa primer atau bahasa ibunda seseorang yang diperoleh tanpa mendapat pengajaran formal seperti di sekolah atau institusi pengajian tinggi. Selain itu, pemerolehan bahasa bermaksud penguasaan bahasa oleh seseorang secara tidak langsung dan dinyatakan aktif berlaku dalam kalangan kanak-kanak dalam lingkungan umur 2 hingga 6 tahun (Mangantar Simanjuntak, 1982).

Dalam aspek penguasaan bahasa melalui medium pembelajaran pula, ianya sinonim dengan pemerolehan bahasa kedua atau penguasaan bahasa bagi penutur bahasa kedua (Zamri Mahamod, 2007; Puteri Roslina, 2006). Bahasa kedua merupakan bahasa yang diperoleh selepas bahasa pertama dan boleh dipelajari tanpa atau dengan pengajaran formal. Lazimnya, penutur yang telah dewasa menerima bahasa kedua mereka dengan kaedah yang lebih formal atau pembelajaran. Hal ini bermaksud, penguasaan bahasa yang diperolehi ketika dewasa berlaku dalam kategori pemerolehan bahasa kedua

berbanding pemerolehan bahasa pertama yang telah sedia dibangunkan ketika penutur masih kecil.

Selanjutnya, menguasai sesuatu bahasa beerti mempunyai kemampuan untuk menguasai kemahiran literasi asas bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam sesuatu sistem bahasa tersebut (Fadzilah & Nor Hashimah, 2009; Siti Saniah, 2013; Khuzaiton & Thana, 2014). Berdasarkan penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa tersebut, kecekapan berbahasa seseorang dapat ditingkatkan dan dikembangkan kepada tahap yang terbaik. Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa seseorang adalah berbeza-beza dan tidak sama antara satu sama lain. Hal ini kerana terdapat pelbagai faktor yang mendorong penguasaan bahasa seseorang seperti sikap, motivasi, persekitaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran (Zaliza & Zaitul, 2014). Tambahan, penguasaan bahasa juga tidak cukup sekadar diperolehi dengan mempelajarinya melalui menghafal kosa kata atau mahir mengingat struktur binaan ayat-ayatnya sahaja, namun perlu meliputi pelbagai aspek seperti budaya, situasi dan konteks penggunaan bahasa (Lim Swee Tin, 2016).

Hal ini sama situasinya dalam konteks penguasaan bahasa dalam bahasa Melayu. Penutur bukan Melayu memerlukan penguasaan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di Malaysia. Misalnya, di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelajar antarabangsa atau asing diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran bahasa Melayu selaras dengan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Bahasa Ilmu di IPT (2011) sebagai inisiatif untuk memartabatkan bahasa Melayu. Selain itu, penguasaan bahasa Melayu bukan sahaja membantu penutur bukan Melayu mendapatkan keputusan yang baik dalam mata pelajaran tersebut malah penting untuk berinteraksi dengan lebih baik dengan masyarakat terutamanya penutur Melayu di Malaysia.

Berdasarkan keempat-empat kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar antarabangsa dalam bahasa Melayu iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran menulis dan kemahiran membaca, penguasaan bahasa Melayu dalam kemahiran bertutur atau perbualan lisan dikatakan paling mencabar dan menguji kemahiran berbahasa pengguna bahasa terutamanya bagi mereka yang belum mahir dalam sesuatu bahasa yang baru dipelajarinya (Siti Saniah, 2013). Hal ini kerana komunikasi secara lisan lebih memerlukan kecekapan dalam mengaplikasikan pengetahuan bahasa kedua secara spontan dan pantas. Mohd Hilmi, Muhd Zulkifli dan Nik Farhan (2014) menyatakan bahawa komunikasi lisan sebagai bertutur atau berbual merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar untuk berkomunikasi dengan baik dalam sesuatu bahasa. Hal ini turut dikukuhkan dengan kenyataan Md. Ishak (2016) yang menyatakan bahawa kemahiran lisan menjadi salah satu aspek yang perlu diambil kira untuk menentukan seseorang itu sudah menguasai sesuatu bahasa.


Rentetan itu, dalam konteks penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ini, pelbagai cabaran untuk mencapai tahap kecekapan berbahasa kedua yang mantap

dihadapi oleh pelajar atau penutur bukan Melayu antaranya pengaruh bahasa pertama, pemindahan negatif dan kekurangan pengetahuan linguistik bahasa kedua. Dalam situasi ini, sistem bahasa tertentu mungkin timbul yang dikenali sebagai Bahasa Antara dalam proses seseorang penutur bahasa kedua memperoleh atau mengaplikasikan pengetahuan bahasa kedua.

1.2.2 Bahasa Antara

Bahasa Antara (seterusnya BA) atau *Interlanguage* (IL) mendapat pelbagai pengertian oleh ramai ahli akademik terutamanya di negara-negara barat yang berminat dalam cabang ilmu yang mengkaji perbandingan dan perkembangan serta pemerolehan bahasa pertama (seterusnya B1) dan bahasa kedua (seterusnya B2) pelajar. Pengertian BA yang diperkenalkan oleh Selinker (1969) bermula daripada adaptasi istilah '*interlingual*' oleh Weinreich bagi merujuk kepada sistem bahasa yang dicipta oleh pelajar bahasa asing berdasarkan data yang dipengaruhinya. Menurut Selinker (1972), BA lahir daripada proses transisi yang berlaku daripada B1 kepada B2. Ia bukan merujuk sepenuhnya kepada B1 penutur dan bukan juga B2 penutur.

Seterusnya, Nemser (1971) menjelaskan bahawa BA sebagai “devian bahasa kedua” atau “kecekapan transisional” atau “sistem aproksimatif”. Corder (1971) mengupas tafsirannya terhadap BA melalui istilah “dialek idiosinkratik” yang merujuk kepada keunikan bahasa pelajar bergantung kepada individu tersebut. Menurut Ellis (1985) pula, beliau mentafsir BA sebagai pengetahuan B2 yang sistematik dan bebas daripada B1 dan B2. Definisi ini disokong dan seerti dengan konsep atau pengertian yang diungkapkan oleh Corder (1987) iaitu kajian BA ialah kajian mengenai sistem bahasa untuk pelajar bahasa, atau hanya kajian bahasa pelajar. Perbezaan dan kelainan ini digambarkan melalui rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1: Model Dialek Idiosinkratik (1971)

Rajah 1.1 yang merupakan rajah yang menunjukkan kedudukan BA yang berada di antara B1 dengan B2 berlaku dalam proses komunikasi atau proses peralihan seseorang pelajar atau penutur B2. Dalam erti kata yang lain, BA ialah sistem bahasa yang bukan merujuk sepenuhnya kepada B1 penutur dan bukan juga B2 penutur, ia merupakan proses peralihan yang berlaku daripada B1 kepada B2. Menurut Richards et al. (1996), Bahasa Antara ialah bahasa yang dihasilkan oleh pelajar B2 yang dalam proses memperoleh dan mempelajari bahasa baru.

Dalam perspektif kognitif, Bahasa Antara merujuk kepada pembahagian sistem pelajar B2, iaitu sistem merujuk kepada pengasingan sistem pelajar bahasa kedua, sistem yang termasuklah status struktur antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran (Brown, 1994). Lightbown dan Spada (2006) menjelaskan bahawa idea BA diasaskan kepada anggapan bahawa pelajar B2 dalam suatu waktu tertentu dalam urutan pembelajarannya, menggunakan sistem bahasa yang bukan B1, ataupun B2. Ia adalah bahasa ketiga yang memiliki tatabahasa tersendiri, kosa kata tersendiri dan sebagainya. Tambahan pula, Fauziati (2011) menerangkan Bahasa Antara mencerminkan percubaan pelajar bahasa kedua untuk membina sistem linguistik yang berperingkat dan beransur-ansur menghampiri sistem sasaran.

Menurut Selinker (1969), Noor Aina Dani (1996), Susan Anak Juhin (2002) dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2004), Bahasa Antara dapat didefinisikan dalam dua aspek iaitu sistem tatabahasa pelajar pada satu tahap dalam satu masa dan sistem tatabahasa yang kunci mengunci antara satu sama lain sebagai bukti perkembangan bahasa pelajar yang telah melewati batas waktu. Berdasarkan definisi pertama, Bahasa Antara sebagai sistem tatabahasa pada satu tahap dalam satu masa telah dikategorikan kepada tiga tahap iaitu basilek, mesolek dan akrolek. Ketiga-tiga tahap ini dapat dikenal pasti berdasarkan kecekapan, kemampuan dan kesilapan dalam sistem bahasa pelajar atau penutur B2. Selanjutnya, berdasarkan definisi kedua, iaitu BA sebagai sistem tatabahasa yang kunci mengunci antara satu sama lain ialah keadaan yang turut dikenali dengan istilah fosilisasi.

Fenomena fosilisasi juga merupakan bukti kemunculan BA. Fosilisasi ialah satu sistem linguistik yang terbentuk apabila penutur sesuatu bahasa ibunda akan mengeluarkan ciri linguistik dalam bahasanya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Selinker (1979) bahawa fosilisasi merupakan fitur-fitur linguistik B1 yang terhasil daripada penutur B2 walaupun telah lama mempelajari atau menggunakan B2 tersebut. Situasi ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan memandangkan terdapatnya pengaruh yang kuat daripada B1 penutur.

Dalam konteks kemunculan BA, Corder (1975) menyatakan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kelahiran Bahasa Antara, iaitu struktur kognitif pelajar dan input linguistik yang didedahkan kepada pelajar. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain seperti kognitif, umur, bakat, sikap terhadap bahasa kedua dan penuturnya. Misalnya kajian oleh Susan Anak Juhin (2002) mendapati BA dapat dikesan dalam kalangan kanak-kanak masyarakat Bidayah pada umur yang berbeza-beza.

Selain itu, kemunculan BA juga merupakan hasil perkembangan dua bidang ilmu yang mendahuluinya iaitu Analisis Kesilapan (*error analysis*) dan Analisis Kontrastif (*contrastive analysis*) yang dipelopori oleh C.C. Fries (1945) dan Robert Lado (1957). Kedua-dua bidang ilmu ini dikatakan mengalami beberapa kelemahan dan dikritik kerana tidak dapat menjelaskan kesilapan bahasa kedua (B2) dengan mantap. Misalnya, analisis kesilapan yang terkenal pada tahun 1960-an dan 1970-an dalam sumbangannya pada bidang kajian pemerolehan bahasa kedua (SLA) dikatakan mempunyai kekurangan atau keterbatasan dalam menjelaskan kesilapan yang berlaku.

Hal ini dikukuhkan dengan pernyataan oleh Mohammad Hamad Al-khresheh, (2015:123), "Inferen statistik yang lemah, kesiapan terhadap tafsiran subjektiviti, dan kekurangan kuasa ramalan". Dalam konteks analisis kontrastif pula, Wilkins (1972), menyatakan bahawa analisis kontrastif boleh digunakan untuk menjelaskan keterangan linguistik hanya bagi kesiapan yang dapat dikenal pasti dan bukan sebagai prosedur ramalan.

Seterusnya, ciri-ciri atau bentuk BA turut menjadi identiti terhadap BA ini iaitu BA bersifat sementara, sentiasa berubah-ubah dan dibentuk oleh pelajar bahasa kedua (B2) semasa menuju penguasaan bahasa sasaran penutur. Oleh itu, tidak hairanlah BA mudah dikesan dalam pelbagai keadaan atau situasi sama ada situasi lisan atau tulisan penutur B1 dalam usaha bertutur B2. Dalam konteks ini, BA boleh dikesan dalam persekitaran komunikasi verbal yang berlaku antara penutur dan pendengar dalam perbualan sehari-harian. Hal ini dikukuhkan dengan pernyataan McLaughlin (1987) yang menyatakan bahawa bahasa diperoleh secara tidak formal dalam persekitaran semula jadi seperti di tempat awam, pergaulan dengan jiran dan sebagainya. Tambahan, Selinker (1972) mencadangkan agar data dalam pemerolehan B2 seharusnya daripada penutur yang sebenar atau percubaan untuk berkomunikasi dalam B2.

1.2.3 Konsep Pragmatik

Pragmatik merupakan subbidang linguistik yang semakin diterokai dan berkembang dalam bidang linguistik. Terdapat banyak pendapat daripada pelbagai tokoh ilmuwan bagi menjelaskan pengertian pragmatik. Definisi asal pragmatik dibangunkan oleh Morris (1938: 6) yang mendefinisikan pragmatik sebagai kajian hubungan lambang dengan penggunaannya. Seterusnya, menurut Searle (1979), Kiefer (1979) dan Bierwisch (1980, dipetik daripada Nor Hashimah (2007), pragmatik ialah perkataan-perkataan yang memasukkan unsur-unsur sosial dan kognitif. Pendapat mengenai pragmatik sebagai butiran leksikal yang mempunyai hubungan dengan unsur sosial tersebut turut diluaskan oleh Joan Cutting (2002) dengan menekankan bahawa pragmatik mempunyai hubungan dengan faktor sosial.

Dalam konteks ini, faktor sosial dalam aspek jarak sosial mempengaruhi atau mewakili sikap bersosial dan penggunaan Bahasa Antara penguja dengan pendengar. Misalnya, jarak sosial antara guru dengan pelajar mempengaruhi penggunaan bahasa yang lebih formal berbanding jarak sosial antara ibu dengan anak. Misalnya kajian Zulkifley Hamid dan Naidatul Zamrizam Abu (2013) mengenai konteks jarak sosial dan situasi tertentu mempengaruhi fungsi kata ganti nama diri ketika berkomunikasi sekaligus memberi implikasi terhadap aspek kesantunan seseorang ketika berbual. Hal ini jelas menggambarkan peri pentingnya pengetahuan pragmatik seperti pengetahuan konteks jarak sosial dalam B2 dalam perbualan terutamanya bagi penutur yang berbeza B1 agar kekeliruan dan salah faham sebagai penutur yang tidak santun dapat dielakkan.

Selain itu, pandangan Crystal (1985) terhadap pengertian pragmatik menjelaskan bahawa pragmatik ialah kajian bahasa daripada sudut pandangan seseorang pengguna bahasa sama ada pendengar atau penutur bahasa tersebut, terutamanya dalam situasi komunikasi yang melibatkan situasi tertentu yang mempengaruhi penggunaan bahasa dan perlakuan mereka dalam sesuatu interaksi komunikasi. Selanjutnya, Mey (2001) pula secara terang menyatakan bahawa pragmatik ialah kajian penggunaan bahasa dalam komunikasi manusia sebagaimana yang ditentukan oleh keadaan masyarakat. Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan, pengkaji menyimpulkan bahawa pragmatik merupakan ilmu atau bidang yang merangkumi penglibatan pengguna bahasa, cara penggunaan bahasa dan kepentingan aspek situasi atau konteks dalam sesebuah komunikasi yang berlaku.

Dalam konteks sejarah kelahiran ilmu pragmatik pula, Nor Hashimah Jalaluddin (2007) menjelaskan pragmatik mendapat perhatian serius apabila H.P Grice pada tahun 1967 membentangkan konsep implikatur dalam perbincangan di Harvard. Konsep implikatur menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007) ialah istilah yang banyak melibatkan ketersiratan yang perlu disingkapkan makna keseluruhannya. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan juga apa-apa yang dilahirkan secara implisit. Menerusi konsep ini, sesuatu ujaran dapat dirungkai maknanya secara lebih mendalam dan bukan sekadar literal sahaja.

Dalam kajian ini, konsep pragmatik dikenal pasti sebagai pendekatan yang perlu diaplikasikan dan didedahkan melalui perbualan yang berlaku antara penutur Melayu dengan bukan Melayu. Hal ini sangat penting memandangkan penutur bukan Melayu mempunyai pengaruh pragmatik daripada B1 di samping pengalaman, latar pemahaman budaya dan bahasa yang berbeza yang berisiko menimbulkan salah paham dan kegagalan dalam komunikasi. Hal ini turut dinyatakan dalam Masfuad dan Yuvita (2015:1) seperti petikan berikut:

“...kegagalan pragmatik dapat terjadi pada interaksi antara penutur asli (NS) dan penutur asli (NS), penutur asli (NS) dan bukan penutur asli (NNS), dan komunikasi antara bukan penutur asli (NNS) dan bukan penutur asli (NNS), yang menunjukkan perbezaan dalam latar belakang budaya dan bahasa. Ini merupakan sumber umum kesalahpahaman dan kegagalan dalam komunikasi.”

Menerusi penerangan tersebut, Masfuad dan Yuvita (2015) kemudiannya menegaskan bahawa ilmu pragmatik sangat penting untuk dipelajari dan diketahui dalam pembelajaran B2 agar kesalahfahaman dan kegagalan dalam berkomunikasi dapat dihindari oleh penutur B1 dan B2.

1.2.4 Hubungan Pragmatik Dalam Perbualan

Pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan (Hashimah Jalaluddin, 2007). Hal ini kerana, melalui pragmatik seseorang dapat memahami makna sebenar yang diujarkan dengan memproses elemen konteks perbualan dan mengaitkannya dengan bahasa yang diujarkan lantas dapat

menghasilkan komunikasi dengan berkesan. Situasi ini turut dinyatakan oleh pengkaji Jenny Thomas (1995), yang menerangkan bahawa perkaitan antara aspek perbualan dengan elemen konteks iaitu apabila manusia melakukan perbualan, mereka secara tidak langsung memerhatikan dan menggunakan fitur-fitur linguistik yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan konteks ketika itu.

Seterusnya, keperluan dan peranan pragmatik dalam perbualan telah terlebih dahulu diterokai oleh Bell (1974) iaitu beliau mencatatkan terdapat tiga unsur dalam pragmatik yang menyatukannya dengan aspek komunikasi iaitu bentuk linguistik, fungsi-fungsi komunikasi yang boleh dimainkan oleh bentuk ini dan yang terakhir ialah konteks atau keadaan dimana bentuk-bentuk ini boleh mempunyai fungsi komunikasi ini (Azhar, 1988). Hal ini menerangkan bahawa saling keperluan antara pragmatik dengan komunikasi yang dalam konteks kajian ini melibatkan perbualan. misalnya, sekiranya fungsi komunikasi yang berlaku dalam sesuatu perbualan adalah untuk meminta penjelasan maklumat seperti dialog di bawah:

Penutur bukan Melayu : Apa berbeza dengan bungkus dan bawa?
Penutur Melayu : Bungkus dalam plastik dan bawa balik rumah.
Penutur bukan Melayu : Jadi, saya bawa, saya balik. Banyak cili.
Penutur Melayu : Tak suka makan pedas ke?
Penutur bukan Melayu : Apa pedas?
Penutur Melayu : *Spicy*.

Berdasarkan dialog di atas, fungsi komunikasi yang terlibat ialah meminta penjelasan atau penerangan mengenai perbezaan sesuatu perkara iaitu apabila penutur bukan Melayu tidak memahami makna 'pedas' lalu penutur Melayu menerangkan makna tersebut dalam bahasa Inggeris iaitu '*spicy*' bagi membantu pemahaman penutur bukan Melayu. Hal ini jelas menunjukkan penutur Melayu telah mengaplikasikan fungsi komunikasi iaitu menerangkan dengan memahami keperluan konteks perbualan ketika itu.

Dalam hal ini, elemen konteks yang bertitik tolak daripada bidang pragmatik memperlihatkan keperluan dan pemahaman mengenai aspek konteks dalam komunikasi manusia sama ada secara lisan atau bukan lisan. Hal ini dikukuhkan dengan penjelasan oleh Robin Wooffitt (2005) bahawa konteks merupakan sesuatu unsur yang amat relevan kepada penutur dan pendengar supaya mereka memahami dan saling bertukar-tukar mesej atau maklumat dalam perbualan dengan lancar.

Rentetan itu, bidang pragmatik merupakan medium yang digunakan dalam menjelaskan cabang konteks yang wujud dalam perbualan. Perkaitan bidang pragmatik dalam perbualan telah dikaji dan dihujahkan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002) dalam kajian terhadap perbualan kanak-kanak Melayu yang memfokuskan sistem giliran perbualan dan kaitannya dalam aspek pragmatik. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002:7):

...dalam perbualan yang mengandungi ujaran yang interpretif, makna ujaran perlu diinterpretif secara pragmatik, iaitu menginterpretasi makna ujaran berdasarkan konteks dan gambaran maklumat yang ada dalam pemikiran penutur ketika menuturkan sesuatu ujaran itu

Berdasarkan penerangan tersebut, jelas menunjukkan pertalian antara keperluan memahami makna berdasarkan konteks dalam sesuatu ujaran. Oleh itu, hubungan konsep pragmatik dalam perbualan merupakan sesuatu yang relevan untuk dikaji dan perlu diterokai serta dikembangkan cabang kajiannya dalam memastikan ujaran yang bermanifestasi berlaku.

1.2.5 Pragmatik Dalam Kajian Bahasa Antara

Selain perbincangan mengenai hubungan bidang pragmatik dalam perbualan, pengkaji mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara bidang pragmatik dengan pemerolehan bahasa sekaligus melibatkan kajian Bahasa Antara. Hal ini menerusi kenyataan Tarone (2006) menyatakan bahawa BA sebagai sistem linguistik yang tersendiri turut melibatkan elemen pragmatik dalam sistem linguistik tersebut. Selain itu, Soenjono (2007) turut memberikan pandangannya mengenai aspek pemerolehan dalam bidang pragmatik dengan menyatakan bahawa meskipun pragmatik bukan merupakan salah satu daripada empat komponen dalam bahasa seperti fonologi, sintaksis dan morfologi, namun pragmatik memberikan perspektif yang berbeza seperti untuk menyelidiki pemerolehan niat komunikatif, pengembangan kemampuan untuk bertutur dengan segala urutannya dan pengembangan peranti bagi membentuk wacana yang kohesi.

Justifikasi seterusnya ialah berdasarkan kenyataan Masfuad (2015:6) menyatakan bahawa pragmatik penting dalam pemerolehan B2 seperti petikan berikut:


Bagi pembelajar bahasa kedua, pengetahuan pragmatik bahasa kedua sangatlah penting ketika mereka menggunakan bahasa tersebut. Namun, sulit untuk pembelajar bahasa kedua untuk menggunakan bahasa kedua mereka dengan pragmatik tepat dikarenakan sifat transfer pragmatik dan pragmatik yang tidak lazim. Dengan demikian, pentingnya pengajaran pembelajaran bahasa kedua berpusat pada masalah pragmatik.

Dalam petikan tersebut, penerangan mengenai kepentingan pengetahuan pragmatik telah digambarkan dalam pembelajaran pemerolehan bahasa. Penelitian terhadap pragmatik dalam pemerolehan bahasa dianjurkan oleh Masfuad (2015) supaya masalah pragmatik yang dialami penutur B2 dapat dikenal pasti dan dikurangkan kesilapan dalam perbualan. Dalam hal ini, kajian BA yang merupakan lingkungan bidang pemerolehan bahasa merupakan pendedahan yang mampu diterokai menerusi perspektif pragmatik.

Selanjutnya, Karin (2004:174) menghujahkan kepentingan pragmatik dalam kajian yang melibatkan penutur asli dan bukan penutur asli sesuatu bahasa dengan menjelaskan keperluan penanda pragmatik (*pragmatic markers*) dalam komunikasi pengguna bahasa. Hal ini dibuktikan menerangkan bahasa indikator penanda pragmatik mempunyai fungsi atau peranan yang penting dalam interaksi antara penutur terutamanya kepada penutur bukan daripada bahasa natif.

Menurut Fraser (1996:168), penanda pragmatik merujuk pelbagai bentuk atau penanda mesej yang berpotensi untuk disampaikan. Misalnya, Dalam bahasa Inggeris, penanda pragmatik seperti *I think, sort of, well, or so, you know, I guess, kind of* dan sebagainya merupakan penanda yang digunakan dalam perbualan dan mempunyai peranan tertentu bergantung kepada situasi atau konteks keadaan ujaran oleh seseorang pengguna bahasa.

Peranan penanda pragmatik dalam perbualan ini merupakan salah satu indikator penting terhadap hubungan yang signifikan antara pragmatik dan BA. Hal ini kerana BA lazimnya tercetus daripada percubaan penutur B1 dalam berkomunikasi dalam B2 yang melibatkan penutur asli bahasa dan penutur bukan asli sesuatu bahasa tersebut. Selain itu, Ellis (1985) telah membuktikan bahawa konsep pragmatik mempunyai perkaitan dalam menjelaskan kepelbagaian variasi BA iaitu seperti dalam Rajah 1.2. Berdasarkan rajah tersebut, Ellis (1985) membahagikan kepelbagaian BA kepada tiga rujukan utama iaitu faktor pembelajaran individu, kepelbagaian prestasi dan faktor konteks. Menerusi keterangan ini, pengkaji mendapati faktor konteks yang signifikan dengan bidang pragmatik mempengaruhi kepelbagaian BA.



Rajah 1.2 : Kepelbagaian Bahasa Antara oleh Ellis (1985)

1.3 Pernyataan masalah

Menurut Fai'zah et al. (2009), pelajar luar negara yang mempelajari bahasa Melayu masih tidak dapat menguasai kemahiran bahasa Melayu dengan baik. Penguasaan kemahiran bahasa Melayu menjadi lebih mencabar terutamanya dalam aspek kemahiran bertutur. Misalnya kajian Mazlina Baharudin (2014) terhadap pemerolehan

dan penguasaan kecekapan bahasa kedua pelajar asing iaitu bahasa Melayu menunjukkan bahawa pelajar asing memilih pendekatan pembelajaran dengan menghafal kosa kata dan tatabahasa berbanding memilih untuk bertutur dengan penutur tempatan dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, pelajar asing bimbang untuk menggunakan bahasa Melayu dan lebih selesa berkomunikasi dalam bahasa Inggeris ketika di luar kelas (Yong Chyn Chye et al., 2010; Zaliza & Zaitul Azma, 2014; Khuzaiton & Thana, 2014). Walau bagaimanapun, kelemahan penutur bukan Melayu untuk menguasai aspek berkomunikasi secara lisan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ini dapat diperbaiki sekiranya kekangan tersebut dapat dikenal pasti melalui indikator bahasa yang dipanggil sebagai Bahasa Antara. Kajian Asiah (2013) misalnya telah mengesan penggunaan Bahasa Antara sebagai penilaian terhadap tahap dan keadaan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru-guru Melayu yang mengajar subjek Sains dalam bahasa Inggeris. Bertitik tolak daripada beberapa hasil kajian lalu ini, kajian ini cuba untuk mengenal pasti penggunaan Bahasa Antara untuk menilai penguasaan bahasa Melayu penutur bukan Melayu dalam perbualan lisan.

Seterusnya, Khuzaiton dan Thana (2014) dalam kajian mereka terhadap penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu di Universiti Malaysia Kelantan mendedahkan bahawa pelajar asing menghadapi masalah untuk memahami makna ketika bertutur dalam bahasa Melayu dengan penduduk tempatan terutamanya apabila penduduk tempatan menggunakan dialek tempatan yang sukar difahami oleh mereka. Tambahan pula, hasil kajian oleh Yong et al. (2010) di Universiti Multimedia menunjukkan bahawa penutur bukan Melayu yang terdiri daripada pelajar asing sering meminta untuk pengulangan sekiranya gagal untuk menginterpretasikan makna bahasa Melayu dalam perbualan. Oleh itu, kajian ini mendalami penginterpretasian makna dan konteks dalam perbualan yang mengandungi penggunaan Bahasa Antara yang mungkin membebankan dan menguji pelajar asing yang bukan penutur asli bahasa Melayu ketika menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam perbualan.

Selanjutnya, kajian-kajian lalu telah memfokuskan penelitian perbualan antara bahasa-bahasa yang berbeza dalam pelbagai aspek dan medium. Kajian oleh Ilanko Subramaniam (2014) misalnya mengkaji hubungan bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) untuk melihat keberkesanan kaedah mengajar bahasa kedua (B2) iaitu bahasa Melayu dengan menggunakan B1 iaitu bahasa Iban. Seterusnya, Mohd. Hilmi Mohd. Hashim, Muhd. Zulkifli Ismail, dan Nik Farhan Mustafa (2014) mengkaji strategi yang digunakan dalam komunikasi lisan oleh pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab, Rozita Che Omar (2012) pula telah mengupas perbualan yang berlaku antara penutur B2 bahasa Sepanyol dengan penutur natifnya. Walau bagaimanapun, kategori-kategori fenomena kewujudan BA dalam perbualan yang sebenar masih belum jelas memberikan peluang kepada pengkaji untuk mengkaji kepelbagaian BA mengikut kategori prosesnya dalam perbualan lisan antara penutur Melayu dan bukan Melayu.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- 1) Mengetahui pastu penggunaan Bahasa Antara dalam perbualan penutur bukan Melayu.
- 2) Menganalisis makna Bahasa Antara dalam perbualan penutur bukan Melayu menggunakan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986; 1995).
- 3) Merumuskan kategori Bahasa Antara dalam perbualan penutur bukan Melayu.

1.5 Persoalan Kajian

- 1) Apakah Bahasa Antara yang terhasil dalam perbualan penutur bukan Melayu?
- 2) Apakah perbualan yang mengandungi Bahasa Antara yang dituturkan oleh penutur difahami dan maknanya tersampai kepada pendengar?
- 3) Apakah kategori Bahasa Antara dalam perbualan penutur bukan Melayu?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian berkaitan Bahasa Antara tidak boleh dipandang ringan implikasi dan kepentingannya dalam beberapa aspek dan bidang. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan terhadap negara, bidang pendidikan, masyarakat, dan penyelidikan. Dalam konteks negara, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan secara tidak langsung dalam membantu memelihara kewibawaan bahasa Kebangsaan negara iaitu bahasa Melayu. Hal ini kerana melalui kajian Bahasa Antara yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu, kajian menekankan kepentingan menggunakan bahasa Melayu secara tepat, bermakna dan betul. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, persuratan dan bahasa komunikasi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 bukan sekadar catatan perlembagaan untuk dibaca, tetapi merupakan aset negara yang melambangkan identiti dan budaya negara supaya diaplikasikan dengan sewajarnya. Hal ini dijelaskan oleh Teo Kok Seong (2015) seperti petikan tersebut:

“Sebagai bahasa negara, bahasa Melayu tidak boleh selama-lamanya dituturkan dalam bentuk jelik begitu dan lebih teruk lagi tidak boleh dituturkan langsung oleh sesetengah warganegara. Dalam hal ini, seseorang warganegara Malaysia wajib mempunyai pengetahuan dan penguasaan yang baik terhadap bahasa negara. Sehubungan keadaan malang ini, sebenarnya banyak persoalan yang wujud itu bukan sahaja boleh membawa kesan buruk dalam usaha membangunkan negara”

Berdasarkan petikan tersebut, penguasaan bahasa Melayu yang baik ialah usaha yang memerlukan usaha dan penekanan yang mantap terhadap sebarang kesilapan dan

kesalahan ketika berbahasa Melayu. Oleh itu, Bahasa Antara sebagai bahasa peralihan antara B1 dengan B2 perlu sentiasa diperbaiki dan dimajukan serta diasah sehingga ke peringkat kecekapan yang lebih tinggi agar tidak membeku pada tahap kecekapan yang rendah dan sederhana. Namun sekiranya sebaliknya iaitu tanpa pemahaman dan pengkajian dalam Bahasa Antara terhadap penguasaan bahasa kedua terutamanya yang melibatkan bahasa Melayu, tidak mustahil pengaruh kerosakan bahasa akan menular dan menjadi kebiasaan warga penuturnya.

Seterusnya, kajian Bahasa Antara ini juga penting dalam masyarakat. Dalam konteks masyarakat yang berbilang bangsa dan bahasa, kajian ini dapat membina atau mewujudkan masyarakat Malaysia terutamanya pengguna bukan Melayu supaya bukan sahaja fasih dalam bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu malah membantu proses peralihan penggunaan bahasa kedua (B2) masyarakat yang bukan penutur B1 bahasa Melayu. Berdasarkan sifat Bahasa Antara iaitu sentiasa berubah-ubah dan sementara, tidak mustahil penguasaan yang mantap dalam bahasa kedua iaitu bahasa Melayu dapat membantu penutur bukan Melayu mendalami konsep “tahu bahasa” atau kefasihan yang tidak terhad kepada konsep kenahuan dan perbendaharaan kata, tetapi juga kebolehan untuk memilih elemen-elemen kebahasaan yang bersesuaian dengan keperihal keadaan penggunaan (Zulkifley Hamid, 2015).

Walau bagaimanapun, senario peranan masyarakat terhadap penggunaan bahasa Melayu oleh penutur bahasa bukan Melayu tidak menunjukkan perkembangan yang begitu menggalakan. Hal ini dibuktikan melalui kajian Mazlina Baharudin (2014) terhadap pemerolehan dan penguasaan kecekapan bahasa kedua pelajar asing iaitu bahasa Melayu yang menunjukkan bahawa sebanyak 49.9 peratus pelajar asing memilih cara terbaik untuk mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Melayu ialah melalui penguasaan kosa kata dan tatabahasa berbanding 20.2 peratus memilih untuk bergaul dengan masyarakat tempatan. Tambahan kajian oleh Zaliza dan Zaitul Azma (2014) turut mendedahkan sebanyak 71% pelajar asing bimbang untuk bertutur di luar kelas berbanding 50% suka atau lebih selasa bertutur dalam bahasa Melayu di dalam kelas.

Situasi ini menjadi lebih sukar apabila sikap masyarakat tempatan di Malaysia terutamanya generasi muda menjadikan kebiasaan apabila bertembung atau berhadapan dengan orang asing akan secara langsung atau tidak langsung berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan pelajar atau penutur asing lebih cenderung untuk bertutur dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu secara tidak formal di luar kelas atau persekitaran awam (Che Ibrahim, Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy, 2014, Maimunah & Norizah Ardi, 2003). Berdasarkan kajian tersebut, didapati peranan masyarakat terhadap kecekapan bahasa kedua penutur bukan Melayu perlu diperhatikan dan dinilai kembali serta tidak boleh dipandang mudah dalam membantu proses peralihan bahasa kedua penutur terutamanya apabila bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebagai B2 mereka. Perkara yang penting ialah usaha masyarakat dalam memartabatkan bahasa Melayu melalui tindakan yang positif dan berterusan.

Kajian Bahasa Antara juga penting dalam bidang pendidikan. Dalam aspek institusi pendidikan, golongan pendidik perlu memahami konsep Bahasa Antara supaya proses pemerolehan atau penguasaan bahasa kedua pelajar dapat menuju kepada aras atau tahap kecekapan yang sebaik mungkin dan melahirkan individu yang bukan sahaja cemerlang bahasa dalam peperiksaan malah cemerlang dalam mengaplikasikan bahasa tersebut dalam masyarakat dengan tepat, betul dan mantap. Hal ini amat relevan memandangkan penguasaan penutur atau pelajar terhadap bahasa Melayu sebagai B2 dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mempamerkan kebimbangan yang tidak dapat dibendung lagi.

Kerisauan ini turut dilaporkan oleh Teo Kok seong (2015) yang menyatakan bahawa seramai 13, 925 responden dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun 2010 yang mendapati 609 tidak boleh berbahasa Melayu langsung. Fenomena ini bukanlah sesuatu yang luar biasa, malah tidak menjadi kebimbangan langsung dalam kalangan masyarakat terhadap kepincangan ini. Menurut Teo Kok seong (2015) lagi, penutur bukan Melayu iaitu belia berbangsa Cina tidak dapat memahami bahasa Melayu dan lebih parah ada yang tidak mampu bertutur dalam bahasa Melayu iaitu seramai 28 daripada 107 responden. Angka yang kelihatan sedikit itu mungkin akan menjadi lebih besar sekiranya keadaan ini tidak dibendung.

Tambahan, Zulkifley Hamid (2015) turut meluahkan kekusarannya terhadap sistem pendidikan di sekolah yang dikatakan terlalu mementingkan aspek nahu atau tatabahasa dalam proses pembelajaran dan kurang menitik beratkan aspek praktikal dalam berkomunikasi dengan baik dan lancar dalam bahasa kedua mereka. Menurut Zulkifley Hamid (2015):

Oleh sebab proses pendidikan formal lebih mementingkan pengajaran dan pembelajaran aspek nahu atau tatabahasa, mereka berkemungkinan besar akan menguasai pengetahuan bahasa secara tidak seimbang, iaitu pengetahuan nahu dikuasai dengan lebih baik berbanding dengan aspek kecekapan berbahasa.

Implikasinya, proses pedagogi yang formal sedemikian yang hanya menekankan sistem peraturan bahasa menjadikan input pengetahuan bahasa berkemungkinan menjadi tidak sekata yang melibatkan pengetahuan nahu lebih mantap diterima berbanding dengan aspek kecekapan berbahasa. Oleh itu, pemahaman terhadap konsep Bahasa Antara akan membantu para pendidik untuk merancang dan melaksanakan program yang bersesuaian yang merangkumi kaedah pengajaran dan penyediaan pengajaran yang lebih mantap dan agresif dalam memastikan bahasa kedua pelajar terutamanya apabila melibatkan pengukuhan bahasa kebangsaan negara. Misalnya, konsep Bahasa Antara dapat membantu pendidik mengenal pasti titik kelemahan pelajar yang terlebih dahulu dalam pembelajaran bahasa kedua, kemudian membantu mereka dengan menyediakan latihan yang bersesuaian dengan tahap kecekapan mereka seperti pelajar yang masih berada di tahap rendah bahasa keduanya perlu didedahkan dengan kepentingan memahami makna dalam bahasa kedua ketika berkomunikasi berbanding dengan hanya memfokuskan terhadap sistem penghafalan tatabahasa sahaja.

Hal ini kerana kajian oleh Seyyed Sajjad Hossein dan Hamid Rahmani (2015) telah membuktikan bahawa pelajar pada tahap kecekapan yang rendah lebih terikat kepada peraturan yang terdapat dalam B2 atau lebih mudah difahami sebagai tatabahasa dalam B2. Selain itu, pelajar tahap kecekapan rendah menjadikan pengaruh pembelajaran tatabahasa B2 sebagai rujukan utama dalam berkomunikasi. Tambahan, mereka juga lebih pasif kerana terlalu memastikan ketepatan nahu B2 dan menterjemahkan B1 kepada B2. Berikut merupakan petikan oleh Seyyed Sajjad Hossein dan Hamid Rahmani (2015:413):

Pelajar dalam kumpulan rendah seolah-olah mempunyai fokus lebih sedar pada tatabahasa dan perbendaharaan kata. Mereka seolah-olah tidak menyedari sebahagian besar daripada pembinaan Bahasa Antara mereka tidak sesuai. mereka menjadi senyap, keengganan mereka untuk komunikasi, dan mereka jeda, berhenti sejenak ketika bercakap seolah-olah menjadi gejala untuk tumpuan kepada tatabahasa dan perbendaharaan kata

Petikan tersebut menjelaskan hasil kajian terhadap pelajar yang memiliki kecekapan B2 yang rendah dan lebih fokus terhadap tatabahasa dan kosa kata semata-mata. Implikasinya, kemahiran bertutur pelajar menjadi tersekat-sekat dan tidak lancar serta lebih banyak mendiamkan diri ketika perbualan berlaku dalam B2. Situasi ini akan mewujudkan penghasilan interaksi yang tidak baik. Menurut Zamri Mahamod (2006:151), salah satu daripada enam konsep dan pengisian dalam pertuturan yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa ialah pertuturan yang dapat dikuasai dengan baik akan menghasilkan tabiat berbahasa yang baik lantas membolehkan penghasilan interaksi dengan baik juga.

Seterusnya, kajian Bahasa Antara penting kepada penyelidik terutamanya bagi penyelidik dalam bidang pemerolehan bahasa dan Bahasa Antara. Hal ini kerana masih tidak ramai pengkaji dalam dan luar negara yang menyelidik aspek Bahasa Antara dalam pelbagai perspektif seperti kajian Bahasa Antara dalam medium lisan. Oleh yang demikian, pengkaji berharap hasil kajian dapat membantu dan memberi manfaat kepada penyelidik-penyelidik lain agar dapat mengembangkan dan meluaskan skop kajian bidang Bahasa Antara terutamanya dalam bidang pemerolehan bahasa kedua (*Second Language Acquisition*) dan pemerolehan bahasa pertama bagi mendedahkan potensi dan tahap perkembangan dan keupayaan pelajar, guru, dan institusi pendidikan dalam proses pembelajaran bahasa mereka. Dalam konteks ini, kajian-kajian berkaitan seumpamanya merupakan suatu kepentingan agar bidang pemerolehan yang berhubung dengan konsep Bahasa Antara dapat dinilai dari masa ke masa.

1.7 Batasan kajian

Terdapat beberapa perkara yang menjadi batasan dalam kajian ini iaitu dari segi sampel, lokasi, alat kajian, dan teori yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Sampel kajian ini terdiri daripada penutur bukan Melayu yang terdiri daripada pelajar dengan jumlah sampel seramai sembilan orang sahaja. Dalam konteks ini, penutur bukan Melayu terdiri daripada pelajar asing yang menetap di Malaysia

sebagai pelajar di UPM. Lokasi kajian ialah di Universiti Putra Malaysia (UPM). Selanjutnya, alat bantuan rakaman iaitu alat perakam suara *Philips Voice Tracer Recorder VTR5000* diaplikasikan bagi merakam perbualan antara penutur Melayu dan bukan Melayu. Pengkaji juga tidak menetapkan batasan terhadap sebarang tema dalam perbualan. Seterusnya, tempoh masa rakaman dibataskan antara lima hingga 15 minit sahaja. Hasil rakaman yang diperolehi oleh pengkaji dipindahkan dalam bentuk transkripsi dan dianalisis dengan mengenal pasti kategori proses pembentukan Bahasa Antara Selinker (1972). Selanjutnya, teori Relevans (Sperber & Wilson; 1986, 1995) diaplikasikan bagi menganalisis makna dalam konteks perbualan yang berlaku.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Bahasa Antara

Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan Bahasa Antara dalam perbualan merupakan kajian untuk mendedahkan pembentukan elemen bahasa tertentu yang berlaku dalam bahasa kedua seseorang penutur bukan Melayu dalam usahanya mahir bertutur bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.8.2 Perbualan lisan

Dalam konteks kajian ini, perbualan lisan merupakan suatu proses penyampaian sesuatu mesej atau makna yang berlaku antara penutur bahasa pertama dengan penutur bahasa kedua dengan ujaran atau tuturan tidak formal menggunakan bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu.

1.8.3 Penutur bukan Melayu dan Penutur Melayu

Kajian mendefinisikan penutur bukan Melayu dalam konteks kajian ini ialah mereka yang memiliki bahasa selain bahasa Melayu sebagai bahasa pertamanya. Dalam aspek ini, penutur bukan Melayu atau turut dipanggil penutur asing merupakan bukan penutur asli yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya dan telah dibataskan kepada penutur bukan Melayu daripada luar negara. Terdapat pelbagai latar belakang dan asal usul negara penutur bukan Melayu memandangkan lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji merupakan institusi pengajian tinggi yang menjadi tempat melanjutkan pelajaran penutur bukan Melayu di Malaysia.

Selanjutnya, penutur Melayu dalam kajian ini merupakan pasangan tutur atau pemangkin sebagai penggalak untuk perbualan dengan penutur bukan Melayu yang berlangsung. Dalam aspek ini, penutur Melayu sebagai penutur asli yang berketurunan Melayu dan memiliki serta menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertamanya. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan dalam konteks kajian ini, penutur Melayu yang

dimaksudkan hanya melibatkan penutur Melayu yang berbahasa Melayu dari Malaysia dan bukan daripada rumpun Melayu lain seperti penutur Melayu dari Indonesia, Brunei dan Singapura.

1.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pembentukan Bahasa Antara mempunyai sistem tertentu dan unik yang dibentuk secara lebih spontan dengan kajian secara langsung dan tidak langsung dalam perbualan sebenar yang berlaku. Dalam bab seterusnya, kajian ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Dalam konteks ini, kajian-kajian yang mempunyai perbincangan mengenai Bahasa Antara dan kajian berkaitan penggunaan bahasa yang berbeza akan dikupas secara kritis dan sintesis dengan menghubungkaitkan dengan kajian pengkaji.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Jemain. (2014). .Liputan Penting Pelaksanaan Penyelidikan. *Kaedah Penyelidikan Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Jamian. (Disember 2001). Pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu: Masalah dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*. p.445-465.
- Abne M. Eisenberg & Ralph R. Smith, Jr. (1971). *Nonverbal Communication*. United States Of America: The Bobbs-Merrill Company
- Aijmer, Karin, 2004. Pragmatic markers in spoken interlanguage. *Nordic Journal of English Studies*. 3 (1), 173-190. Melalui https://gupea.ub.gu.se/bitstream/2077/536/1/art_NJES.pdf. Diakses pada 17 Mei 2016.
- Ainon Mohamad dan Abdullah Hassan. (2003). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(2 (special edition)), 645-666.
- Alice Lim. (2010). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asiah Mohd Sharif. (Mei 2013). Limited Proficiency English Teachers' Language Use In Science Classrooms. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 13(2), 65-80. Melalui <http://journalarticle.ukm.my/6326/1/3175-6803-1-SM.pdf>. Diakses pada 10 April 2015
- Awang Sariyan. (n.d.). *Strategi Pengajaran Bahasa Kepada Pelajar Asing:Faktor Pengajar*. Catatan KP: Klik Web DBP. Melalui <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2489>. Diakses pada 30 Ogos 2016.
- Azhar M. Simin. (1988). *Sintaksis Wacana "Yang" dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Bahasa.
- Bailey, K. M. (2003). Speaking. *Practical English Language Teaching*. NY: McGraw-Hill Companies, Inc. (p.47-59) Dipetik melalui <http://www.princeton.edu/~pia/TEFL/Nunan%20Chapter%203%20tefl.pdf>
- Baker, Sarah Elsie and Edwards, Rosalind. (2014) *How many qualitative interviews is enough*. Discussion Paper. Melalui NCRM. (Unpublished). http://eprints.ncrm.ac.uk/2273/4/how_many_interviews.pdf
- Bardovi-Harlig, K. (1999). Exploring the Interlanguage of Interlanguage Pragmatics: A Research Agenda for Acquisitional Pragmatics. *Language Learning*. 49: 677-713. doi: 10.1111/0023-8333.00105

- Bialystok, Ellen. (1991). *Language Processing in Bilingual Children*. United Kingdom: University Press, Cambridge. Melalui <http://assets.cambridge.org/97805213/70219/sample/9780521370219ws.pdf>. Diakses pada 20 Oktober 2016
- Che Ibrahim Salleh, Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy. (2014). Pengaplikasian Strategi Pemelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Pertanika Mahawangsa (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)*. 1(2) November. 181-196. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Crystal, D. (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics (2nd ed)*. Oxford: Blackwell.
- Damaiyanti, Susi. 2012. *The Communication Strategies Employed By Speaking Class Students at the English Department of STKIP PGRI Blitar*. Thesis. Graduate Program in English Language Teaching State University of Malang. Advisors (I) Prof. Bambang Yudi Cahyono, M.Pd, M.A, PhD, (II) Dr. Johannes Ananto Prayogo, M.Pd, M.Ed
- Dayang Fatimah Awang Chuchu. (2007). *Code-Switching In A Multilingual Environment*. Tanjong Malim: Penerbit Pendidikan Sultan Idris.
- Ellis Rod. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Evangeline Marlos Varonis & Susan Gass. (Non-native/Non-native Conversations: A Model for Negotiation of Meaning Applied Linguistics (1985) 6 (1): 71-90 doi:10.1093/applin/6.1.71
- Eva Alcan Soler & Alicia Martinez-Flor. (2008). Pragmatics in Foreign Language Context. *Investigating Pragmatics in Foreign Language Learning, Teaching and Testing*. 3-21, Great Britain: Cromwell Press Ltd.
- Faerch, C. & G. Kasper (eds.). (1983). *Strategies in Interlanguage Communication*. London:Longman.
- Fraser, B. (1996). Pragmatic markers. *Pragmatics*, 6(2), 167-190. Melalui <http://journals.linguisticsociety.org/elanguage/pragmatics/article/download/418/418-712-1-PB.pdf>. Diakses pada 17 Mei 2016.
- Gumprez. (1982). *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Guy Cook. (2003). *Applied Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Hafizah Iszahanid. (2015, Oktober 27). Mungkinkah bahasa Melayu hanya dituturkan oleh orang Melayu saja?. *BH Online*. Diambil daripada <http://www1.bharian.com.my/node/92363>. Diakses pada 15 Disember 2015.

- Harwell, M. R. (2011). Research Design in Qualitative/Quantitative/Mixed Methods. *The Sage handbook for research in education*. 2nd ed. Los Angeles, CA: Sage, 147. Dipetik melalui http://www.sagepub.com/sites/default/files/upm-binaries/41165_10.pdf
- Haslina Zakaria. (2013). *Faktor Individu dan Faktor Persekitaran yang Mempengaruhi Pemindahan Latihan Terhadap Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTEM*. Tesis.Master Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ilangko subramaniam. (Mei 2014). Penggunaan Bahasa Ibunda Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Peribumi Di Sekolah Pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(1), p. 65-74.
- J. Atkinson dan J. Heritage (eds). (1984). Transcription Notation. *Structures of Social Interaction*, New York: Cambridge University Press.
- Jamaliah Mohd. Ali. (1995). The Pragmatics Of Cross-Cultural Communication in A Malaysian Context. *Verbal Interaction at Play Rules of Speaking*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- James Emil Flege, Grace H. Yeni-Komshian, Serena Liu. (Julai 1999). Age Constraints on Second-Language Acquisition. *Journal of Memory and Language*, 41(1), p.78–104. Melalui <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0749596X99926384>
- James, Carl. (1981). *Contrastive Analysis*. Harlow: Longman.
- Jamilah Ikhsan. (2009). Berjumpa Melambai, Berpisah “Bye, Bye”: Satu Perspektif Neurokognisi. *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal I*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Joan Cutting. (2002). *Pragmatics and Discourse, A Resource Book For Students*. London: Routledge.
- Jenny Thomas. (1995). *Meaning in Interaction : An Introduction to Pragmatics*. New York: Longman Group Limited.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karen, K. Y. C. (2003). Codeswitching for a Purpose: Focus on Preschool Malaysian Children. *Multilingua*, 22,,59-77.
- Lam Kai Chee. (2011). Penggunaan Di Mana dan Yang Mana Sebagai Kata Hubung: Analisis Linguistik Korpus. *Jurnal Bahasa*. 11(2), 297-320. Dipetik http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22395/6_PENGGUNAA_N_DI_MANA_DAN_YANG_MANA.pdf. Diakses pada 5 September 2016.
- Lim Swee Tin. (March 2016). Penguasaan Bahasa Melayu: Satu penelitian Keefisienan Masyarakat Kini. *Peliti Bahasa*.

- Luna, R. M. *Interlanguage in undergraduates' academic English: Preliminary results from written script analysis*. Melalui http://www.webmail.encuentrojurnal.org/textos/Mu_oz_Luna.pdf
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Masfuad edy santoso & Yuvita. (Mei 2015). Aspek Pragmatik Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua. *Cakrawala: Jurnal Penelitian dan Wacana Pendidikan*. 9(1), melalui <http://e-journal.upstegal.ac.id/index.php/Cakrawala/article/view/380/377>
- McLaughlin, Barry. (1987). *Theories of Second-Language Learning*. London: Edward Arnold.
- Md. Ishak A. Rahman. (Januari 2016). Aktiviti Lisan Meningkatkan Kemahiran Berbahasa. *Pelita Bahasa*. Jilid 28 (Januari 2016), p. 30-33.
- Mey, J.L. (2001). *Pragmatics: An Introduction (2nd ed)*. Oxford:Blackwell.
- Mohd Azidan Abdul Jabar & Hazlina Abdul Halim. (2011). Faedah Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam Pembelajaran Kemahiran Bahasa Asing. *Lingua 3*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 129-141.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Shukeri Mohamad, Mohd Alwee Yusoff & Mohd Bakhit Haji Ali. (2015). Penggunaan Bahasa Pertama dalam Kelas Bahasa Arab: Sokongan Pengajaran atau Penghalang Pembelajaran. *Practicality of Islamic Alternatives: Issues and Challenges. International Conference on Islamic Education and social Entrepreneurship*. 297-310
- Mohd Hilmi Mohd Hashim, Muhd Hashim & Nik Farhan Mustapha. (2014). "Alamak! Macammana Nak Cakap Ni?": Penggunaan Strategi Tampungan Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *Global Media Journal; Malaysia Edition*. 3(2), p 152-167. Melalui http://www.gmjme.upm.edu.my/uploadPublish/publish_1120141154540806.pdf
- Mohd Izani Mohd Zain. (Oktober, 2015). Melonjakkan Kemahiran Bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*, 10-13.
- Mohammad Hamad Al-Khresheh. (May 2015). A Review Study of Interlanguage Theory. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*. 4(3), 123-131. Melalui <http://dx.doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.4n.3p.123>
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah. (2014). *Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Melayu di Malaysia*. Tesis Ph. D, Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Ariff Ahmad. (1979). Masalah-Masalah Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Singapore Journal of Education*. Institute of education (Singapore). 2(1),61-68. Melalui <https://repository.nie.edu.sg/>

bitstream/10497/15778/1/SJE-2-1- 61_a.pdf. Diakses pada 5 September 2016.

- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Nor Effendy Ahmad Sokri. (November 2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17- 18 November*. 295-310. Melalui <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/058-ANALISIS-KESALAHAN-NAHU-BAHASA-ARAB-DALAM-KARANGAN-PELAJAR-KURSUS-PENGUKUHAN-BAHASA-ARAB.pdf>. Diakses pada 7 september 2016
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zila Md Yusuf & Amir Juhari. (2013). *Pengaruh persekitaran linguistik dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*.
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani & Mhd. Amin Arshad. (2007). Teori dan Realiti Perubahan Bahasa: Daripada Bahasa Ibunda Kepada Bahasa Melayu. *Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Komunikasi Jilid 1*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2015). Pemindahan Negatif dalam Pola Ayat Bahasa Antara. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani. (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normaliza Abd Rahim & Siti Nur Aliaa Roslan. (Jun 2012). Analisis Perbualan Pelajar dari Tujuh Negara di Sekolah St Patrick Limerick, Ireland. *Jurnal Linguistik*. Jilid 15, 1-10.
- Nor Shaifura Musilehat, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki@Marzuki Yaacob. (2013). Kesan Kaedah Pengulangan ke atas Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar IPTA. *International Academic Conference (IAC) 2013*.
- Ooi Chwee & S. Vijayaletchumy. (2011). *Pengaruh Bahasa Cina Dalam Mempelajari Bahasa Melayu*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik Dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Ozog, A.C.K. (1995). Code Switching in Peninsular Malaysia and Brunei: A Study in Contrastive Linguistic Strategies. Dlm *Rules of Speaking : Verbal Interactions at Play*, Zainab Abdul Majid & L. Bakaran (eds), 73-93. Kuala Lumpur: Pelanduk.
- Pushparani Mariappan. (2015). *Strategi Komunikasi Dalam Pembelajaran Sains Di Sekolah Rendah Tamil*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Linguistik. Universiti Malaya. Melalui http://studentsrepo.um.edu.my/5983/1/Strategi_Komunikasi_dalam_Pembelajaran_Sains-_Pushparani_Marippan.pdf (Diakses pada 11 April 2016)
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (1996). Bahasa Antara Sebagai Hasil Pembelajaran Bahasa Kedua. *Rampak Serantau*. (Bil. 3). pp. 180-193.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2009). Akomodasi Dalam Komunikasi Verbal Antara Budaya: Masyarakat Melayu-Cina. *Jurnal Bahasa*. 9(2), p.219-239 dipetik melalui http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/18769/Pdf5.pdf
- Richards, J. C., & Kennedy, G. (1977). Interlanguage: A review and a preview. *RELC Journal*, 8(1), 13-28. Dipetik melalui <http://rel.sagepub.com/content/8/1/13.full.pdf>
- Robin Wooffitt. (2005). *Conversation Analysis and Discourse Analysis: A Comparative and Critical Introduction*. London: SAGE Publication Ltd.
- Rose-ellen kesselly. (Disember, 2008). An Investigation of L1 Influence on Japanese and Chinese Native. *New Voices Volume 2: A Journal for Emerging Scholars of Japanese Studies in Australia*. 220-248
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (September 2012). Celahan dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 12(3), 849-863.
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozita Che Omar. (2012). Cabaran dalam Menjayakan Interaksi dalam Talian Antara Pelajar Bahasa Sepanyol Dengan Penutur Natif. *Bahasa & pembinaan Identiti*. p. 48-59. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Selinker, L. (1992). *Rediscovering Interlanguage*. London & New York: Longman.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(1-4), 209-232.
- Selinker, L & Douglas, D. (1985). Wrestling with 'Context' in Interlanguage Theory. *Applied Linguistic*. 6(2): 190-204. Doi: 10.1093/applin/6.2.190. Oxford University Oxford Press. Melalui <http://apllj.oxfordjournals.org>

- Seyyed Sajjad Hosseini & Hamid Rahmani Sangani. (2015). Studying The Pre-Intermediate Iranian EL Learners' Interlanguage and The Contribution of Their Innate System To The Development of Their Oral Communicative Proficiency. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 192, 408-418.
- Shahidi, A. H. & Shirley Langgau. (2014). Penelitian Akustik Terhadap Aspek Sebutan Bahasa Melayu oleh Penutur Iban. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(2), 104-115, ISSN: 1823-884x. Melalui <http://www.ukm.edu.my/e-bangi/papers/2014/104-115%20Akustik.pdf>. Diakses pada 19 Oktober 2016.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk. *Jurnal Bahasa*. 14(1):134-158.
- Soenjono Dardjowidjojo. *Psikolinguistik: Memahami Asas Pemerolehan Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Song, L. (2012). On The Variability of Interlanguage. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(4), 778-783. Doi: 10.4304/tpls.2.4.778-783. Melalui <http://www.ojs.academypublisher.com/index.php/tpls/article/view/tpls0204778783/4568>
- Sonezza Ladyanna. (Disember 2013). Penggunaan Bahasa Melayu (Indonesia) di Korea Selatan. *Jurnal Linguistik*. 17(2), 113-119.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance Theory: Communication and Cognition* (Second Edition). Oxford: Basil Blackwell.
- Susan Anak Juhin. (2002). *Bahasa Antara dalam Pertuturan Bahasa Bidayah di Daerah Bau, Sarawak*. Ijazah Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- S. Salahudin Suyurno, Aini Faezah Ramlan dan Norazlinda Mohammad. (2008). *Penggunaan Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan dalam Kempen Pilihan Raya Umum Ke-12: Kajian Terhadap Fungsi dan Cabaran*. Melalui http://eprints.uitm.edu.my/2983/1/SP_PKL0827.pdf
- Siti Saniah Abu Bakar. (Mei 2013). Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. 3(1), p.52-62. Melalui <http://www.ukm.my/jpbm/pdf/52-60%20%20Saniah.UPSI.pdf>
- Katharina Rustipa. (April 2011). Contrastive Analysis, Error Analysis, Interlanguage And The Implication to Language Teaching. *Jurnal Pengembangan Humaniora*. 11(1), 16-22.

- Kasper, G. (2001). Four perspectives on L2 pragmatic development. *Applied linguistics*, 22(4), 502-530.
- Tarone, E. (1980). Communication Strategies, Foreigner Talk, and Repair In Interlanguage. *Language learning*, 30(2), 417-428.
- Tarone, E. (1988). *Variation in Interlanguage*. London: Edward Arnold.
- Tarone, E. (2006). *Interlanguage*. 747-752. Elsevier Ltd. Melalui <http://socling.genlingnw.ru/files/ya/interlanguage%20Tarone.PDF>
- Tarone, E., Cohen, A. D., & Dumas, G. (1976). *A Closer Look at Some Interlanguage Terminology, A Framework for Communication Strategies*. Ontario Institute for Strategies in Education.
- Tay Meng Guat. (2006). Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak; Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Penyelidikan IPBL*. Jilid7, 87-109. Melalui <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2006/tay06.pdf>
- Tello Rueda, Y. (2006). Developing pragmatic competence in a foreign language. *Colombian applied linguistics journal*, (8), 169-182.
- Teo Kok Seong. (2015, Februari 15). Prasangka Terhadap Bahasa Melayu Perlu Dihentikan. *Berita Harian Online*. Dipetik Melalui <http://www.bharian.com.my/node/34756>
- Vandergriff, I. (2014). A Pragmatic Investigation Of Emoticon Use In Nonnative/Native Speaker Text Chat. *Language@Internet*, 11, article 4. Melalui <http://www.languageatinternet.org/articles/2014/vandergriff> (Diakses pada 11 April 2016)
- Vivian Cook. (2009). *Applied Linguistics and Language Teaching in The 21st Century*. Dalam *Introduction to Contemporary Applied Linguistics*. Melalui <http://homepage.ntlworld.com/vivian.c/Writings/Papers/IntroAL08.htm>
- Wong, B. E. (2012). Acquisition of English tense and agreement morphology by L1 Malay and L1 Chinese speakers. *3L; Language, Linguistics and Literature, The Southeast Asian Journal of English Language Studies.*, 18(3), 5-14. Melalui http://journalarticle.ukm.my/5556/1/18_3_2_Wong.pdf
- Yong Chyn Chye. (2012). *Strategi Mahasiswa Antarabangsa Dalam Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing*. Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.
- Youkhana, Sana. (2010). *Code- Switching in The Foreign Language Classroom*. Lärarutbildningen: Hösten.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2000). *Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis Master. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak- Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis Ph. D. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zakaria, K., & Abdullah, T. (2014). *Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (May 2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *PROCEDIA - SOCIAL AND BEHAVIORAL SCIENCES* 134:408–415. DOI: 10.1016/j.sbspro.2014.04.263.
- Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid. (Januari, 2015). Meraikan Perbezaan dalam Pengajaran. *Dewan Bahasa*.15(1), 4-7.
- Zulkifley Hamid & Naidatul Zamrizam Abu. (2013). Memupuk Perpaduan di Malaysia – Santun Bahasa dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik dari Aspek Penggunaan Kata Ganti Nama Diri, *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*. 9(4), p. 86-98.

BIODATA PELAJAR

Fatin Rabiha Binti Abdul Kadir merupakan pelajar Sarjana Sastera (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Mendapat ijazah pertama dalam Bachelo Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) di UPM pada tahun 2015 dengan Kepujian Kelas Pertama. Selain itu, beliau mendapat pengalaman sebagai Graduate Research Fellowship (GRF) dari tahun 2015 sehingga tahun 2017.



SENARAI PENERBITAN

Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran Implisit Dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, Vol 6, 13-24.

Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015, November). *Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Bukan Melayu*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX (SALPBM IX), FBMK, UPM Serdang, Selangor.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT AND COPYRIGHT

ACADEMIC SESSION : _____

TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :

BAHASA ANTARA DALAM PERBUALAN PENUTUR BUKAN MELAYU

NAME OF STUDENT: FATIN RABIHA BINTI ABDUL KADIR

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as :

*Please tick (v)

CONFIDENTIAL

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

OPEN ACCESS

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for :

PATENT

Embargo from _____ until _____
(date) (date)

Approved by:

(Signature of Student)

New IC No/ Passport No.: 890110-07-5298

Date :

(Signature of Chairman of Supervisory Committee)

Name:

Date :

[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization/institution with period and reasons for confidentially or restricted.]